

PANDUAN MEMBELI BELAH SECARA ONLINE DI MALAYSIA

Panduan ini dibawakan khas oleh:

WangCyber.com , RajaAdsense.com dan PenulisEbook.com

Pesanan

Ebook ini **mestilah diedarkan percuma dan bukannya dijual** kerana matlamatnya adalah untuk mendidik rakyat malaysia tentang bagaimanakah perniagaan internet beroperasi dan bagaimana pembayaran dibuat. Diharap ia dapat mengubah persepsi masyarakat tentang perbankan internet dan juga perniagaan internet yang sebenar di Malaysia.

Anda boleh menyebarkan ebook ini kepada bakal pelanggan atau sesiapa sahaja yang berminat untuk membeli di internet tetapi tidak jelas @ tidak tahu bagaimana hendak melakukan proses transaksi jualbeli tersebut. Ini kerana, ebook ini akan menunjukkan secara ringkas bagaimana pembeli boleh melakukan bayaran kepada penjual, untuk membeli sesuatu produk yang dijual di internet.

Di dalam ebook ini, anda akan ditunjukkan bagaimana membuat bayaran menggunakan kemudahan perbankan internet maybank2u , cimbclick dan juga paypal (kredit kad).

Diharapkan, ia serba sedikit dapat membantu meningkatkan lagi kesedaran orang ramai tentang “betapa mudahnya membuat urusan jual beli di internet”.

Yang Benar

Shamsuriyadi

<http://www.RajaAdsense.com>

<http://www.PenulisEbook.com>

Copyright © 2007 G World Enterprise

FAKTOR KESELAMATAN PERBANKAN INTERNET

Keselamatan merupakan isu yang paling utama dalam perbankan internet. Ada sesetengah orang langsung tidak percaya dengan perbankan internet. Mereka lebih suka untuk beratur berjam jam di Bank untuk membayar bil dan pinjaman. Mereka lebih suka berjam jam menunggu giliran di kaunter kerana mereka ada banyak masa & banyak duit untuk membayar parking. Mereka juga ada banyak wang untuk petrol dan tol untuk ke bank pilihan mereka. Jangan ketawa, ada golongan sebegini. Malah ramai...

Sedangkan jika mereka menggunakan perbankan internet, ia hanya mengambil masa beberapa minit sahaja untuk menyelesaikan pembayaran tersebut tanpa perlu keluar dari rumah. Sangat mudah dan menjimatkan. Mungkin ada media yang mewar-warkan kononnya perbankan internet tidak selamat dan membahayakan duit mereka. Walhal ke bank lebih bahaya berbanding dengan perbankan internet. Kenapa ye?

Kerana, anda mungkin dirompak dalam perjalanan pergi atau balik dari bank. Tak ke merbahaya?. Malang tidak berbau. Anda juga boleh terlibat dalam kemalangan jalan raya sewaktu didalam perjalanan ke bank. Siapa tahu kan?

Bagi anda, yang manakah lebih selamat...bayar di bank atau hanya di rumah untuk membayar semua bil dan pinjaman anda menerusi internet? Yang manakah lebih menjimatkan masa, tenaga & wang anda, di bank atau di rumah anda? Saya pasti anda tahu jawapannya.. .

Sebelum bank melaksanakan kemudahan perkhidmatan perbankan internet, pihak bank telah pun mengkaji dan membuat polisi tertentu bagi melindungi wang anda. Hacker sehebat mana pun masih belum mampu untuk mengodam system perbankan di mana-mana Negara terutamanya di Malaysia. Ini adalah kerana semua perbankan internet dibelakangi oleh mereka yang sangat pakar dalam keselamatan internet. Jika ia berjaya digodam sekalipun wang anda tetap akan dilindungi. Wang anda akan dikembalikan jika ia kesilapan di pihak bank.

Namun, anda tidak dilindungi jika ia silap anda. Antara kesilapan yang perlu anda elakkan sewaktu menggunakan perbankan internet ialah:

1. Login ke akaun bank anda melalui link yang diberikan di dalam email.

Jika anda menerima email daripada pihak bank anda yang menyuruh anda mengemaskinikan maklumat akaun anda dan meminta anda klik pada link yang diberikan di dalam email tersebut. **JANGAN KLIK!** Ia sebenarnya adalah email palsu dan dikenali sebagai “phising” atau cubaan mencuri identiti anda seperti username dan password perbankan internet anda. Jadi, jika anda menerima email yang sebegitu, delete segera email tersebut. Ini kerana, pihak bank tidak akan sesekali menghantar email kepada anda. Pihak bank selalunya akan menghantar surat berdaftar dan meminta anda ke bank berdekatan dan bukannya melalui email. Jad, sekali lagi.. **JANGAN KLIK SEBARANG LINK DALAM EMAIL TERSEBUT.**

2. Memberitahu username & password anda kepada orang lain.

Maklumat perbankan internet anda adalah rahsia. Jangan memberitahu maklumat berkenaan kepada orang lain. Namun, kini bank menggunakan system **TAC** iaitu **Transaction Authorization Code** dimana pemilik perlu mendaftar nombor telefon bimbit mereka di mesin ATM terlebih dahulu. Sebelum membuat sebarang transaksi online, kita perlu meminta nombor TAC terlebih dahulu. Nombor ini akan disms ke telefon bimbit anda. Ia adalah angka 6 digit. Transaksi tidak dapat dilakukan jika tiada nombor TAC ini. Jadi jangan serahkan telefon bimbit anda kepada sesiapa yang mengetahui maklumat perbankan internet anda.

3. Memberi Kad dan Nombor Pin kepada orang lain.

Ia adalah satu kesilapan yang sangat besar jika anda memberi kad bank dan nombor pin kepada orang. Tiada siapa yang boleh tolong jika duit anda hilang dari bank anda.

4. Logout Selepas Guna

Pastikan anda logout jika anda menggunakan komputer di tempat awam. Jika boleh elakkan menggunakan perbankan internet di tempat awam seperti cyber

café dan komputer pejabat yang dikongsi beramai ramai. Namun, biasanya system akan logout secara automatik jika anda tidak membuat apa apa selama 5 minit.

5. Perlindungan Komputer

Pastikan komputer anda mempunyai perisian antivirus dan anti spyware yang terkini bagi mengelakkan username dan password anda dicuri. Sentiasa update perisian antivirus anda. Ia membantu melindungi wang anda.


**PANDUAN MEMBELI
MENGUNAKAN
MAYBANK2U**

Maybank2u

Sistem perbankan internet Maybank adalah yang paling aktif kerana ia mempunyai peratusan pemilik akaun paling besar di Malaysia. Akaun maybank adalah wajib jika anda ingin terlibat dalam perniagaan internet di Malaysia. Ia adalah untuk menerima dan menghantar wang atau membeli/membayar apa sahaja. Namun jika untuk clearkan cek luar Negara, saya tak galakkan anda guna Maybank kerana caj pengurusannya yang agak tinggi.

Untuk menggunakan Perbankan Internet Maybank, **anda perlu terlebih dahulu mempunyai akaun Maybank dan mendaftar untuk menggunakan perbankan internet.** Sila dapatkan bantuan daripada staf cawangan Maybank berdekatan anda.

Url laman web: <http://www.maybank2u.com.my>



Antaramuka Maybank2u

Bagaimana untuk membeli barangan di Internet menggunakan maybank2u

Kaedah yang saya tunjukkan disini ialah merupakan langkah-langkah biasa jika anda ingin membeli sesuatu barang di internet daripada website-website usahawan internet di Malaysia. Untuk membeli sesuatu produk di internet, kenalpasti terlebih dahulu maklumat-maklumat berikut, seperti:-


- **No. Akaun Bank Penjual**
- **Nama Penjual / Pemilik Akaun**
- **Email.** Email adalah optional kerana anda masih boleh menghantar duit tanpa memasukkankan email. Namun, bagi memudahkkan urusan..Lebih baik jika anda memasukan email ketika urusan penghantaran/pembayaran wang.
- **No Telefon.** Jika ada, ia adalah bertujuan untuk memudahkan anda menghubungi pihak penjual jika anda menghadapi sebarang masalah sewaktu proses membeli produk di halaman web mereka.

Langkah 1

Sila taip url <http://www.maybank2u.com.my> untuk memulakan transaksi.

Langkah 2

Sila klik link Login.



Kemudian anda akan dibawa ke lama Login. Masukkan username dan password perbankan internet anda.

Member Services

- First Time Login
- Tell Me More
- How To Sign Up
- Home**

Welcome

Please enter your Username and Password to access Maybank2u.com Online Financial Ser

IMPORTANT NOTICE
• 5 Tips to Stay Alert and Protect Your Security Online
(Please do not login via email links)

Username :
Password :

Reminder : You should never reveal your PIN and/or Password to anyone.
Peringatan : Anda tidak harus mendedahkan "PIN" dan/atau "Password" anda kepada sesiapa pun.

If you forget your PayBills password, please [click here](#).
If you have difficulty remembering your password, [read this](#).
If you forget your Internet Banking password, please contact Maybank Group Customer Care at 1-300-88-6688 or 603-7844 3696 (overseas).

Maybank2u.com Awards

VeriSign Secure Site | WebTrust | Deloitte

Langkah 3

Sila klik FundsTransfer

Maybank2u.com
making every moment count

Member Services

- Logout
- Maybank2u@SG

Home

- Online Banking
- Funds Transfer**
- Online Bill Payment
- Online Prepaid
- SMS & Downloads
- Online Stocks
- Online Insurance
- Online Application
- eShareApplication
- Investment
- eStatement
- Mobile Banking
- My Profile
- Utilities
- EPF

Good Afternoon, Sham

Your last login was on Monday, 22 October 2007 at 14:18:00

[Click here to view your Internet Transaction History](#)

Reload your Touch 'n' Go and get rewarded this festive season!

- ❑ Important Notice: [Future Payment for Great Eastern Life Temporarily Unavailable](#).
- ❑ [Online Interbank Funds Transfer](#) limit increased to RM5,000 daily.
- ❑ Hurry! [MerdekaRaya](#) Top-up and Win Contest ends 31 October 2007!
- ❑ Don't let your bills mount up! Take the easy way, [pay via Maybank2u.com](#).

Terdapat 3 fungsi fund transfer iaitu:

Telegraphic Transfer (TT) – Ia adalah untuk penghantaran wang ke luar Negara.


Terdapat lebih dari 50 negara boleh menerima fungsi ini.

Interbank Transfer – Penghantaran wang ke bank yang lain. Contohnya dari Maybank ke BSN dan sebagainya. Jika dengan maybank2u, anda memerlukan no. ic atau no.pendaftaran perniagaan penerima bagi membolehkan penghantaran wang dilakukan.

3rd Party Account Transfer – penghantaran wang ke akaun maybank lain. Ini yang akan kita gunakan jika penerima/penjual mempunyai akaun Maybank. Kebanyakan usahawan internet mempunyai akaun Maybank. Ini yang akan saya tunjukkan bagi transaksi pembelian produk dari usahawan Malaysia.


Langkah 4.

Klik 3rd Party Account Transfer



The screenshot shows the Maybank 2u.com website interface. The top navigation bar includes the Maybank logo and the text 'making every moment count'. The main content area is titled 'Funds Transfer' and lists several options: 'Foreign Telegraphic Transfer', 'Interbank (GIRO) Transfer', '3rd Party Account Transfer', 'Own Account Transfer', and 'Interbank & 3rd Party Account Maintenance'. The '3rd Party Account Transfer' option is highlighted with a red circle. The left sidebar contains a menu with categories like 'Transfer', 'Interbank', '3rd Party & Own Account', and 'Others'. The 'Open 3rd Party Accounts' option is also circled in red in the sidebar.

Masukkan maklumat seperti dibawah iaitu no akaun,email dan jumlah. Email adalah optional. Anda masih boleh lakukan pindahan walaupun tanpa email. Saya galakkan anda masukkan email untuk memudahkan penerima menyemak bayaran anda.



The screenshot shows the 'Funds Transfer to 3rd Party Accounts' form. The form is titled 'Funds Transfer' and has a blue button that says 'Changed your address? Keep us posted...'. The form fields are: 'From Account : 163019430826 BIS', 'To Open 3rd Party Account : 163019430825 Request TAC', '3rd Party Email Address : support@rajaadsense.com', 'Amount : 1000', and 'Effective Date : Today'. Below the form, there is a note: 'Please request TAC for Open 3rd Party Account transfer' and two buttons: 'Clear' and 'Next'.

Note :

Klik Link Request TAC

Anda akan menerima sms no.TAC ke handphone anda. Seterusnya anda klik butang Next.

Langkah 5

Anda akan dibawa ke laman pengesahan transaksi.

FundsTransfer [Changed your address?
Keep us posted...](#)

Funds Transfer to 3rd Party Accounts

From Account:	163019430826 BIS
To Open 3rd Party Account:	163019430826
3rd Party Email Address :	support@rajaadsense.com
Amount:	RM1,000.00
Effective Date:	Today
Account Holder Name:	MOHD SHAMSURIYADI BI
TAC :	<input type="text"/>

Anda perlu masukkan no TAC yang anda terima melalui sms tersebut. No TAC tersebut sah selama 2 jam sahaja. Setelah 2 jam, anda perlu meminta no TAC yang baru. Anda boleh gunakan no TAC yang sama jika melakukan pemindahan lebih dari 1 akaun. **Anda tidak perlu meminta TAC setiap kali ingin melakukan transaksi.** Memadai hanya sekali sahaja.

Setelah masukkan No TAC, anda klik butang **Comfirm**.

Siap.

Anda telah berjaya membuat fund transfer bagi membeli barang di internet..

Seterusnya ikut arahan yang diberikan oleh usahawan internet terlibat. Biasanya mereka meminta anda emailkan bukti bayaran. Ia akan menjadi mudah jika anda masukkan email mereka ketika urusan fund transfer tersebut.

Langkah 6

Simpan Rekod pembayaran. Caranya..

Tekan butang Print Screen pada keyboard anda. Kemudian klik pada Start => Programs => Accessories => Paint

Kemudian paste kat dalam tu. Kemudian save. Disitu anda boleh jadikan bukti pembayaran dan simpan rekod pembelian anda. Ingat, Ia sangat penting untuk membuktikan anda telah membuat pembayaran.

**PANDUAN MEMBELI
MENGUNAKAN CIMBCLICKS**

CimbClicks

CimbClicks adalah antara yang saya gunakan untuk perniagaan saya. Ianya lebih kurang sahaja dengan system Maybank2u. Semua memerlukan TAC number. Antara bank lain yang menawarkan perbankan internet ialah Bank Islam, Bank Rakyat, RHB Bank, Public Bank, Eon Bank dan beberapa bank lain seperti Standard Chartered.

Jika anda ingin menceburi perniagaan internet, memadai 2 atau 3 bank sahaja. Jika anda mampu membuka semua bank yang menawarkan perbankan internet ia lebih baik. Perbankan internet memudahkan anda kerana anda boleh menyemak transaksi secara online. Jadi anda tidak perlu ke bank untuk menyemak transaksi. Ia menjimatkan masa anda.


URL= <http://www.cimbclicks.com.my/>




Antaramuka CimbClicks

Langkah 1: Login

Klik Link Login.



Masukkan Username dan password

A screenshot of a login form. The form is titled 'Login'. It has two input fields: 'User ID' and 'Password'. Both fields are highlighted with a red background. Below the input fields are two buttons: 'Clear' and 'Submit'. Below the form, there are two columns of links. The left column is titled 'Internet Banking' and contains links for 'First time login', 'Demo', and 'FAQ'. The right column is titled 'Related Links' and contains links for 'Forgotten your password?', 'Forgotten your ID?', and 'Contact Us'.

Klik pada Fund transfer

[Accounts Enquiry](#)

[Transfer Funds](#)

[E-Remittance](#)

[Pay Bills](#)

[Standing Instructions](#)

[Prepaid Reloads](#)

Pada To Other CIMB account, klik Transfer Funds

Accounts Enquiry

Transfer Funds

- To My CIMB Accounts
- To Other CIMB Accounts
- **Transfer Funds**
- My Favourite Accounts
- Active Accounts
- Add New Accounts
- To Other Banks
- Transfer Funds

Seterusnya pilih akaun, dan masukkan maklumat yang diperlukan seperti nombor akaun dan jumlah. Pada remarks, anda boleh tulis tujuan pembayaran.

» **Transfer Funds to Other CIMB Accounts**

Other CIMB Accounts denote third party savings, savings-i, current, current-i, loan / financing and credit card accounts within CIMB.

*Indicates compulsory fields

Transfer From account *	:	Please Select
Transfer To account*	:	<input type="radio"/> My Favourite <input type="text" value="Please Select"/>
	:	<input checked="" type="radio"/> Other Accounts <input type="text"/>
Amount *	:	RM <input type="text"/> Min.: RM1.00
Remarks	:	<input style="height: 40px;" type="text"/>

Non resident account holders cannot transfer funds to other non resident accounts.

Klik Butang Submit.

Langkah Pengesahan.


Anda akan diminta untuk memasukkan TAC number. Jadi request TAC dan masukkan no TAC yang anda terima di handphone anda.

Simpan rekod. Gunakan sebagaimana langkah untuk kaedah Maybank2u.

Saya tak detailkan kerana ia hampir sama. Syarat untuk menggunakan perbankan internet cimb juga adalah sama iaitu mempunyai akaun cimb dan mendaftar akaun perbankan internet. Dapatkan bantuan staf cimb untuk bantuan lanjut.

Laman Web Penjual

Pada laman web penjual biasanya mempunyai page order. Dibawah adalah contoh page order dari RajaAdsense.com.



Selepas anda membayar seperti yang dibayar langkah diatas. Biasanya terdapat satu laman untuk pengesahan bayaran. Ia adalah untuk memudahkan penjual mengesan pembayaran yang dibuat oleh anda.

Dibawah adalah beberapa contoh borang pengesahan bayaran. Dimana anda perlu memasukkan butiran maklumat transaksi bayaran yang telah anda lakukan menerusi maybank/cimbclicks sebentar tadi.


Let Your Fingers Do the Banking making every moment count

Sila masukkan semua maklumat dengan TEPAT untuk kelancaran proses penyemakan bayaran & penghantaran.

Maklumat Peribadi:

Nama* :

Alamat* :

No. Telefon : (optional)

E-Mel* :

Maklumat Transaksi:

No. Transaksi : (jika ada)

Jumlah & Cara Bayaran* : e.g. RM50 Maybank / Pos Malaysia

Tarikh* : e.g. 20/6/2006

Masa* : e.g. 10.45 am

PERHATIAN : Sila Tekan Butang Submit SEKALI sahaja untuk mengelakkan pertindihan pesanan yang sama.. Terima kasih.

**PANDUAN MEMBELI
MENGUNAKAN
KREDIT KAD / PAYPAL**

Pembayaran Kad kredit


Bagi pembayaran kad kredit, biasanya penjual menggunakan Paypal, 2CO dan beberapa payment gateway lain.

Contoh:



Klik pada butang pembelian yang mempunyai tulisan/logo kredit kad (master/visa) dan anda akan dibawa ke page pembayaran.

Contoh:



Sila guna Internet Explorer. Jika anda menggunakan [Mozilla Firefox](#), anda perlu klik link continue Checkout.(spt dibawah)

Why use PayPal?

- It's free to send money and shop online.
- You can shop without sharing your financial information with merchants.
- Over 50,000 online merchants accept PayPal.

Sign up for a PayPal account and [continue checkout](#).

Masukkan maklumat berkenaan seperti Negara, nama, email dan sebagainya yang diperlukan dengan betul kerana ia akan membantu anda jika anda mempunyai masalah dengan Paypal nanti.

Jika anda **telah mempunyai akaun Paypal**,anda login akaun paypal anda dan klik butang Pay.

Akaun Paypal

Anda akan mempunyai akaun Paypal setelah membeli sekali dengan menggunakan Paypal. Anda boleh gunakan akaun tersebut untuk belian yang akan datang! Tetapi pastikan anda mempunyai wang didalam akaun paypal anda. Jika tidak, kad kredit anda akan dicaj.

Diharap dengan panduan ringkas ini dapat membantu anda dan bakal pelanggan anda memahami bagaimana caranya untuk membeli Ebook dan barangan diinternet di Malaysia.

TAMAT.

Jika anda berminat untuk mempelajari tentang selok-belok perniagaan di internet serta mengetahui kaedah buat duit secara online yang sebenar, sila lawati www.wangcyber.com – sebuah komuniti online bagi usahawan internet malaysia.